

Pesta buku dapat sambutan

BATU PAHAT – Hari pertama Pesta Buku Daerah Batu Pahat anjuran Perpustakaan Tunku Tun Aminah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama Kumpulan Media Karang kraf (KMK) mendapat sambutan orang ramai, semalam.

Antara pengisian program hari pertama ialah pertandingan mewarna kanak-kanak selain acara dinantikan iaitu Bedah Buku Bersama Penulis 'Hebatnya Rasulullah: Teladani Peribadi dan Pengurusan Kekasih Allah'.

Pengunjung, Nur Syaffiqah Syazza Azli, 23, berkata, sebaik melihat poster pesta buku berkenaan, dia tidak sabar mengunjunginya.

Menurutnya, dia minat membaca, pantang mendengar terdapat pameran buku, dia sanggup ke mana sahaja jika mengetahui penganjuran seumpama itu.

"Antara buku yang menjadi kegemaran saya ialah buku berbentuk ilmiah dan novel, pesta ini bertepatan kehendak saya," katanya di sini semalam.

Bagi Aefiqah Gitin, 23, sebagai bakal guru, dirinya dengan buku tidak dapat dipisahkan dan sememangnya teruja mengetahui berkaitan pesta berkenaan.

Katanya, dia yang kini menjalani latihan praktikal di sebuah sekolah di daerah ini mengambil peluang cuti hujung minggu ke pesta buku untuk melihat dan mendapatkan buku kegemarannya.

"Selain buku keilmuan, saya juga ingin mendapatkan beberapa majalah, selain melihat acara sampingan telah disediakan penganjur," katanya kepada *Sinar Harian*.

Penyelaras pesta, Siti Afifah Che Ismail berkata, pesta buku berlangsung selama empat hari sehingga 29 September ini, diadakan



Syaffiqah (kanan) dan Aefiqah khusyuk memilih buku kegemaran mereka semasa Pesta Buku Daerah Batu Pahat, semalam.



Pertandingan mewarna kanak-kanak antara aktiviti sampingan yang diadakan pada hari pertama pesta.

di Kompleks Membeli-Belah Square One, di sini.

Katanya, gerai pameran dari pelbagai penerbit disediakan selain penerbit utama Grup Buku Karang kraf yang mula dibuka seawal jam 10 pagi sehingga 10 malam.

"Seperti diketahui, tujuan utama pesta ini untuk memupuk buda-

ya membaca dalam kalangan warga Batu Pahat, baik dia bergelar pelajar, mahasiswa, guru dan pelbagai latar belakang.

"Jika pesta ini mendapat sambutan memberangsangkan, kami akan menjadikannya program tahunan dan akan dimuatkan dalam kalender aktiviti UTHM," katanya.